

Klinik 1Malaysia kesinambungan membela rakyat

8/10/2011
M/S 22

KLINIK 1Malaysia yang dilancarkan Datuk Seri Najib Razak semalam, menzahirkan satu lagi bukti komitmen kerajaan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Penubuhan Klinik 1Malaysia yang diumumkan dalam Bajet 2010 sebenarnya strategi serampang dua mata untuk rakyat yang memerlukan rawatan perubatan dan pada masa sama, menyediakan khidmat lebih berkualiti. Klinik yang beroperasi dari jam 10 pagi hingga 10 malam setiap hari itu memberi rawatan kepada pesakit biasa dan mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan. Klinik 1Malaysia akan membolehkan orang ramai khususnya rakyat berpendapatan rendah yang menghadapi masalah kesihatan, mendapat rawatan pada kos rendah iaitu hanya RM1, tanpa perlu mengeluarkan belanja pengangkutan. Lokasinya yang terletak di kawasan kejiranan dan waktu operasi yang dilanjutkan hingga lewat malam pula membolehkan rakyat menjimatkan masa. Berkonsepkan layanan mesra rakyat, ia yang bermatlamat menyediakan khidmat kesihatan terbaik, dikendalikan pembantu perubatan bertauliah dan jururawat. Secara tidak langsung, ia mengiktiraf pengalaman dan kepakaran golongan itu serta memperluas selain memaksimumkan skop sumbangan bakti mereka. Apabila semua 50 Klinik 1Malaysia yang dibangunkan dalam fasa pertama projek itu di seluruh negara beroperasi sepenuhnya, kita yakin ia dapat mentransformasikan sektor khidmat penjagaan kesihatan di negara ini.

Walaupun kerajaan memperuntukkan RM10 juta dalam Bajet 2010 untuk pembinaan 50 Klinik 1Malaysia, kita yakin projek itu akan diperluaskan secara lebih agresif pada masa depan kerana pelbagai manfaat yang akan diraih. Penubuhan klinik itu adalah idea hebat yang tidak harus terhenti di situ saja. Apa yang penting ialah untuk semua pihak sama-sama memberi ruang kepadanya untuk beroperasi dan menyalurkan input bagaimana ia boleh ditambah baik untuk dikembangkan lagi pada masa depan. Sebagai contoh, daripada sekadar menawarkan rawatan biasa, ia mungkin boleh diperluaskan untuk menyediakan khidmat penjagaan kesihatan bersepadu pada masa depan menerusi proses naik taraf kelengkapan atau kakitangan. Klinik 1Malaysia bukan projek 'mi segera' untuk menaikkan imej atau profil kerajaan dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Ia adalah satu pakej usaha murni yang mempunyai strategi jangka panjang untuk menerapkan nilai yang perlu dihayati ke arah pembentukan masyarakat madani demi menggapai status negara maju. Pelancaran Klinik 1Malaysia semalam bukan sekadar manifestasi tekad kerajaan menjayakan agenda membela nasib rakyat, malah ia menandakan bermulanya satu lagi lembaran baru ke arah merealisasikan matlamat gagasan 1Malaysia.